

Headline	'Usah naikkan harga barang sepanjang musim PRU-14'		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	12 Apr 2018	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	24	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	333 cm <sup>2</sup>
Journalist	Azura Abas	AdValue	RM 11,479
Frequency	Daily	PR Value	RM 34,436



# 'Usah naikkan harga barang sepanjang musim PRU-14'

➔ KPDNKK ambil tindakan jika ada pihak ambil kesempatan

**Oleh Azura Abas,  
Zanariah Abd Mutalib  
dan Siti A'isyah Sukaimi**  
cnews@nstp.com.my

► **Putrajaya**

**K**ementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) memberi amaran mengambil tindakan kepada mana-mana pihak yang mengambil kesempatan menaikkan harga barangan pada musim Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Menterinya, Datuk Seri Hamzah Zainudin berkata, selain itu, pengguna yang mempunyai aduan berhubung kenaikan harga barangan semasa PRU-14 juga boleh meny lurkannya kepada kementerian.

"Saya nak maklumkan dalam musim kempen ini, sesiapa yang menaikkan harga, kita akan tangkap mereka.

## **Tangkap habis-habisan**

"Ketua Setiausaha KPDNKK juga sudah memberitahu semua pegawai dan sekiranya ada orang cuba sabotaj menaikkan harga, maklumkan kepada kementerian, sekali gus kita tangkap mereka habis-habisan," katanya sempena Prog-

ram Jualan Sentuhan Rakyat di Presint 2, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa dan Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Tan Sri Badruddin Amiruldin.

Sabtu lalu, Hamzah dilaporkan berkata, pihaknya menubuhkan pasukan khas dianggotai pegawai penguat kuasa berpakaian biasa bagi memantau harga barang keperluan pengguna di seluruh negara untuk mengelak wujud unsur sabotaj kepada kerajaan sepanjang tempoh PRU-14 kali ini.

Beliau dipetik berkata, pihaknya tidak teragak-agak mengambil tindakan jika menerima laporan ada peniaga menaikkan harga barangan kerana ia bertentangan dengan undang-undang.

Sementara itu, Tengku Adnan yang juga Ahli Parlimen Putrajaya berkata, Program Jualan Sentuhan Rakyat itu kali pertama diadakan di Putrajaya.

"Saya sudah ada program jualan murah sendiri bagi peringkat Parlimen Putrajaya. Atas permintaan kakitangan kerajaan, kita menjayakan program ini pada hari ini (semalam)," katanya.

Headline	`Usah naikkan harga barang sepanjang musim PRU-14'		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	12 Apr 2018	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	24	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	333 cm <sup>2</sup>
Journalist	Azura Abas	AdValue	RM 11,479
Frequency	Daily	PR Value	RM 34,436

[FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH]



**Tengku Adnan, Hamzah dan Ali membuat jualan murah** pada Program Jualan Sentuhan Rakyat di Presint 2, Putrajaya, semalam.